

'Lebih baik BR1M daripada bantuan RM1 sehari'

KUALA LUMPUR

- Kerajaan Pakatan Harapan (PH) dilihat gagal menyelesaikan isu subsidi apabila hanya mampu memperuntukkan RM1 sehari untuk penerima Program Subsidi Petrol (PSP) yang dilancarkan kelmarin.

Timbalan Presiden 'Pas', Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man berkata, adalah tidak munasabah kerajaan memberikan PSP kepada rakyat hanya dengan kadar tersebut kerana nikmatnya tidak dirasai golongan berpendapatan rendah.

Menurutnya, lebih baik kera-



TUAN IBRAHIM

jaan memperkenalkan pemberian bantuan wang tunai seperti Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) berbanding PSP kerana ia disalurkan terus kepada mereka.

"Saya rasa PH gagal selesaikan masalah subsidi dan penyelesaian ini tidak konkret. Jumlah

subsidi yang diberi tidak munasabah sebab kalau RM1, tidak ada kesan apa-apa kepada rakyat."

"Lebih baik BR1M sebab ia terus kepada rakyat B40. Itu lebih terasa kepada rakyat," kata Ahli Parlimen Kubang Kerian itu di lobi Parlimen semalam.